BIL 5 / 2022 (OKTOBER)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Hutang – Baik Atau Jahat?

Skim Persaraan Swasta (PRS), Pilihan Untuk Belia

Keselamatan Internet Dan Scam

Aduan Pengguna: Kontraktor Pengubahsuaian Rumah



i-LINDUNG:

HARGA YANG BERPATUTAN DAN MUDAH UNTUK KEPERLUAN ANDA

ISSN 2180-3684

9 772180 368003

IMBAS KOD QR UNTUK MUAT TURUN MAJALAH RINGGIT

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

FOMCA
GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

Isi Kandungan

04 i-Lindung: Harga Yang Berpatutan Dan Mudah Untuk Keperluan Anda



07 Hutang – Baik Atau Jahat?



15 Keselamatan Internet Dan Scam



19 Aduan Pengguna: Kontraktor Pengubahsuaian Rumah



12 Skim Persaraan Swasta (PRS), Pilihan Untuk Belia



Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Maizatul Aqira Ishak
Baskaran Sithamparam
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: +603 2698 8044
Sesawang: www.bnm.gov.my

Diurus Terbit Oleh
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A,
47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital
Wordlabs Global Sdn Bhd
No.617, Block D, Kelana Square,
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7880 4200 / +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.





i-Lindung: Harga Yang Berpatutan Dan Mudah Untuk Keperluan Anda

Baru-baru ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah melancarkan platform i-Lindung di bawah Pelan Perlindungan Ahli untuk memudahkan pembelian produk insurans dan takaful. Platform ini menawarkan perlindungan hayat dan penyakit kritikal pada premium yang berpatutan serendah RM30 setahun daripada Akaun 2.

KWSP juga menyasarkan seramai 300,000 ahli (bagi tempoh setahun) akan melanggan pelan perlindungan ini melalui platform i-Lindung dalam portal i-Akaun (Ahli) KWSP.

KWSP turut bekerjasama dengan syarikat insurans dan pengendali takaful iaitu FWD Takaful Berhad, Prudential Assurance Malaysia Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Etiqa Life Insurance Berhad dan Etiqa Family Takaful Berhad untuk menawarkan harga pakej perlindungan yang berpatutan. Dengan ini, ahli KWSP yang berpendapatan rendah juga mampu untuk mendapatkan perlindungan insurans dan takaful.

Apa itu i-Lindung?

i-Lindung adalah sebuah platform layan diri di dalam i-Akaun (Ahli) yang digunakan untuk tujuan pembelian produk perlindungan di bawah Pelan Perlindungan Ahli (PPA). Melalui PPA, ahli dibenarkan membeli produk insurans/takaful daripada Syarikat Insurans & Takaful (SIT) yang diluluskan oleh KWSP. Ini adalah untuk menyediakan pilihan kepada ahli untuk mendapatkan perlindungan bagi membantu ahli berdepan dengan tempoh sukar atau kejadian yang tidak diingini pada masa hadapan.

“Platform yang diperkenalkan KWSP itu dapat membantu ahli mendapatkan perlindungan bagi menghadapi situasi yang tidak diduga dan di luar kawalan.”

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz



SIAPA YANG BOLEH MEMOHON

- Warganegara Malaysia
- Pengguna i-Akaun (Ahli)
- Mempunyai baki simpanan di dalam Akaun KWSP

JENIS PERLINDUNGAN YANG DITAWARKAN

- Perlindungan Hayat
- Perlindungan Penyakit Kritikal



CIRI-CIRI UTAMA i-LINDUNG

1. Proses yang lancar

Cara yang mudah untuk mendapatkan produk perlindungan tanpa keperluan pemeriksaan kesihatan.

2. Sebut harga serta-merta

Dapatkan sebut harga bagi setiap produk yang ditawarkan secara dalam talian.

3. Pusat maklumat

Kemudahan akses dan menganalisis semua maklumat produk yang ditawarkan sebelum membuat pilihan.

4. Paparan keseluruhan

Memaparkan maklumat berkaitan polisi/ sijil yang dibeli secara keseluruhan.

5. Bila-bila masa dan di mana sahaja

Kelebihan untuk mendapatkan produk pada bila-bila masa dan di mana jua.



KELEBIHAN i-LINDUNG KWSP

- Pakej harga yang ditawarkan sangat murah dan berpatutan
- Perlindungan yang tinggi sehingga RM10,000 setahun
- Perlindungan ini meningkatkan lagi potensi simpanan anda dengan KWSP. Selain daripada potensi pulangan pelaburan melalui dividen yang diberikan, perlindungan kesihatan juga boleh diperolehi

CARA BUAT PEMBAYARAN i-LINDUNG DI i-AKAUN KWSP

Langkah 1

Anda perlu log masuk ke i-Akaun KWSP anda sebagai ahli yang mencarum.

Langkah 2

Pergi ke bahagian i-Lindung.

Langkah 3

Buat pilihan produk insurans yang ada di bahagian tersebut.

Langkah 4

Lengkapkan dan kemaskini maklumat terkini dengan tepat.

Langkah 5

Berikan akses kebenaran untuk potongan daripada i-Akaun KWSP.

Langkah 6

Anda akan menerima penyata sebagai bukti pembayaran yang menunjukkan kemaskini anda telah berjaya dilakukan.

Kesimpulannya, FOMCA berpendapat bahawa inisiatif yang ditawarkan amat berpatutan dan tidak membebankan ahli. Ini adalah satu inisiatif bagi melindungi rakyat Malaysia serta keluarga masing-masing daripada risiko kematian, kehilangan upaya secara menyeluruh dan penyakit kronik.

Untuk maklumat lanjut mengenai Pelan Perlindungan Ahli i-Lindung, pengguna boleh layari www.kwsp.gov.my, atau hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di 03-8922 6000.

Sumber: www.kwsp.gov.my



HUTANG – BAIK ATAU JAHAT?



Sebaik sahaja kita bercakap tentang hutang, pelbagai emosi boleh timbul dalam diri. Ada yang memandang dari sudut positif dan tidak kurang juga yang melihat hutang sebagai sesuatu yang negatif. Realitinya, hutang adalah sebahagian daripada kehidupan kita. Sama ada kita berhutang dengan institusi kewangan seperti bank atau berhutang dengan kawan-kawan atau ahli keluarga, agak sukar untuk kita lari daripada hutang sepenuhnya dalam memenuhi tuntutan hidup.

Sebenarnya, bukan hutang yang menjadikan pengurusan kewangan kita baik atau tidak, tetapi cara kita yang menguruskannya. Jadi, persoalannya, adakah terdapat hutang yang baik dalam hidup kita?

HUTANG 101

Kehidupan yang ideal adalah apabila kita boleh hidup di bawah kadar kemampuan. Sebagai contoh, dengan pendapatan sebanyak RM1,500, kita mampu untuk hidup dengan perbelanjaan sekitar RM1,400 sahaja. Namun realitinya, ia memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tinggi. Kebanyakan pengguna hidup pada kadar kemampuan iaitu membelanjakan sepenuhnya pendapatan RM1,500 yang diterima. Tidak kurang juga yang hidup di luar kemampuan. Kebiasaannya, golongan ini menampung kehidupan mereka dengan berhutang.

Hutang adalah usaha yang kita lakukan untuk membeli atau memiliki sesuatu di luar kemampuan kita. Sebagai contoh, kita teringin untuk membeli kasut yang cantik dan mewah, tetapi pendapatan kita tidak mencukupi untuk memilikinya. Lalu kita mungkin memilih untuk berhutang dengan pihak bank seperti melalui kad kredit, pinjaman peribadi dan sebagainya, ataupun berhutang dengan penjual mahupun meminjam duit daripada kawan.

Namun, bukan semua hutang adalah tidak baik. Ada juga beberapa barangan keperluan bernilai tinggi yang sukar untuk dibeli secara tunai. Contohnya, kita mungkin perlu menyimpan hampir sedekad lamanya sekiranya kita ingin menyediakan wang sehingga RM50,000 untuk membeli sebuah kereta.

Oleh itu, lahirlah konsep memanfaatkan penggunaan wang orang lain menerusi pinjaman bank untuk memungkinkan kita membuat pembelian barangan keperluan yang berharga tinggi. Namun, di manakah garis pemisah antara hutang ‘baik’ dan ‘sihat’?



PANDUAN SEBELUM BERHUTANG

Walaupun ada yang berpendapat bahawa tiada hutang yang baik, kita tidak boleh menafikan bahawa hutang boleh memberi manfaat dalam kehidupan kita sekiranya dilaksanakan dengan tertib dan bertanggungjawab. Kita boleh melihat kepada isu teknikal sesuatu hutang/pinjaman/pembiayaan seperti kadar faedah/keuntungan, tempoh bayaran, dan jumlah bayaran bulanan. Namun, perkara asas seperti 'Keperluan lawan Kemampuan' serta 'Keperluan lawan Kehendak' perlulah dikenal pasti terlebih dahulu.

Sebagai contoh, pembiayaan peribadi yang mempunyai kadar keuntungan dan bayaran bulanan yang rendah, tidak semestinya menjadikan sesuatu hutang itu 'baik'. Kita perlu jelaskan terlebih dahulu tujuan sesuatu hutang dibuat. Antara kriteria yang boleh dijadikan panduan sebelum kita membuat sebarang pinjaman/pembiayaan adalah seperti yang berikut:



DARI SUDUT TUJUAN

I. Adakah kita berhutang untuk membeli keperluan atau kehendak?

II. Adakah barangan berharga tinggi yang dibeli akan menjadi aset atau liabiliti?

III. Sekiranya ia adalah aset, adakah ia aset yang memberikan pulangan pendapatan atau aset yang akan bertambah nilai?

IV. Sekiranya ia bukan aset, adakah pembelian ini akan memberi manfaat dalam jangka masa panjang (contoh; pinjaman pendidikan) atau sekadar memenuhi tuntutan gaya hidup?

DARI SUDUT TEKNIKAL

V. Adakah kita berhutang mengikut kemampuan sebenar atau kelayakan semata-mata?

VI. Adakah bayaran bulanannya melibatkan sebahagian besar pendapatan kita?

VII. Berapakah tempoh bayaran balik dan adakah kita yakin pendapatan kita tidak akan terjejas untuk sepanjang tempoh pinjaman?

VIII. Berapakah kadar faedah/keuntungan dan jumlah akhir yang akan dibayar?

IX. Adakah pinjaman/pembiayaan ini merupakan satu-satunya kaedah yang ada untuk kita membeli keperluan ini?

JENIS-JENIS HUTANG

Kenderaan

Kini, kenderaan juga boleh dikategorikan sebagai keperluan sekiranya tiada pilihan lain seperti pengangkutan awam yang tersedia untuk ke pejabat atas urusan kerja.

Justeru itu, pembelian kenderaan melalui pembiayaan bank boleh dikira sebagai hutang 'baik' selagi ianya mengikut kemampuan dan keperluan kita. Sebaliknya, ia juga boleh jadi hutang 'jahat' sekiranya kenderaan yang dibeli adalah di luar kemampuan. Contohnya, membeli kereta dengan bayaran bulanan sebanyak RM1,400 sedangkan pendapatan kita hanya sekitar RM2,000 sahaja.

Rumah

Mempunyai kediaman sendiri sememangnya menjadi impian ramai. Walau bagaimanapun, hampir mustahil untuk kita membeli rumah secara tunai. Oleh itu, pembiayaan bank adalah jalan yang terbaik untuk kita memiliki rumah.

Namun, menyimpan wang setiap bulan sehingga cukup ratusan ribu ringgit semata-mata untuk membeli rumah bukanlah suatu kaedah yang realistik. Walaupun tidak mustahil, kebarangkalian kenaikan harga hartanah juga perlu diambil kira. Justeru itu, membeli rumah melalui pembiayaan bank dan membayar ansuran secara bulanan dilihat sebagai langkah yang lebih praktikal.

Kita juga perlu melihat kemampuan dan keperluan kita dalam membuat sebarang keputusan. Bak kata Encik Azaddin Ngah Tasir, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), "Kelayakan merupakan berapa jumlah sebenar yang mampu kita pinjam manakala kemampuan pula merupakan berapa jumlah sebenar yang mampu kita bayar."



Pinjaman Pendidikan

Pendidikan yang bagus kadang kala memerlukan kos yang tinggi, lebih-lebih lagi di institusi pengajian yang terkemuka. Justeru itu, tidak hairanlah apabila ramai yang sanggup melabur untuk tujuan ini.

Selain daripada simpanan tabung pendidikan, pinjaman pendidikan juga adalah satu pilihan buat mereka. la juga boleh menjadi satu hutang yang 'baik' sekiranya dapat memberi pulangan yang setimpal seperti sijil pendidikan dan pekerjaan dengan gaji yang bagus. Sebaliknya, ia boleh menjadi satu beban sekiranya kita terperangkap dalam pengangguran dengan hutang yang tinggi dan tidak mampu membayar balik pinjaman pendidikan tersebut.

Kad Kredit

Pembelian melalui kad kredit boleh menjadi hutang 'baik' sekiranya kita tahu mengambil peluang dan memanfaatkan imbuhan yang ditawarkan. Sebagai contoh, membeli peti ais dan televisyen merupakan satu keperluan dan harga pula tidaklah mencecah puluhan ribu ringgit. Justeru itu, dengan menggunakan kad kredit, kita boleh membuat pembelian terus secara hutang. Kita boleh pastikan hutang tersebut hanya bersifat sementara dengan melakukan pembayaran terus hutang kad kredit sejurus selepas mendapat penyata bulanan.

Sekiranya kita menunggu sehingga gaji masuk pada hujung bulan untuk membuat bayaran, kita akan lebih mudah terdedah kepada caj faedah atau pengumpulan hutang secara kompaun yang jauh lebih tinggi daripada jumlah penggunaan asal. Situasi inilah yang selalu menjerat pengguna kad kredit ke dalam perangkap hutang. Beli hanya apa yang kita mampu dan mengikut keperluan. Sekiranya tidak mampu, tunggu dahulu.

PENILAIAN KREDIT

Apabila kesemua tujuan dan matlamat di atas telah dijelaskan, barulah kita akan beralih kepada proses membuat pinjaman. Bercakap mengenai membuat pinjaman pula, sudah tentu kita tidak dapat lari daripada membicarakan tentang penilaian kredit *(credit rating)* yang akan diteliti oleh pihak bank atau institusi kewangan.

Sumber: https://ask.akpk.org.my/

Skim Persaraan Swasta (PRS), Pilihan Untuk Belia



Skim Persaraan Swasta (*Private Retirement Scheme* atau PRS) adalah sebuah skim simpanan dan pelaburan jangka panjang secara sukarela yang membolehkan anda menyimpan lebih banyak untuk masa hadapan anda.

Sesuatu perkara yang menguntungkan lazimnya memerlukan masa dan usaha. PRS amat bersesuaian untuk golongan belia yang mungkin hanya mampu menyimpan dalam jumlah yang kecil, tetapi mempunyai masa yang masih panjang sebelum bersara. Walaupun anda mungkin mempunyai permulaan yang perlahan, usaha kecil anda bakal membuahkan hasil yang memberangsangkan setelah ia mendapat momentum. FOMCA berharap artikel ini dapat menjadi panduan asas untuk belia memulakan langkah pertama yang dapat membina kesejahteraan masa hadapan.

Berapa banyak yang perlu disimpan?

Mulakanlah dengan konsisten, walaupun dalam jumlah yang sedikit. Anda boleh mula menyimpan dengan serendah RM100 sebulan dan menaikkan jumlah simpanan secara berperingkat apabila pendapatan anda meningkat pada tahun-tahun akan datang. Walaupun anda bermula dengan jumlah yang kecil, anda masih boleh meraih ganjaran yang menguntungkan pada masa hadapan.



Setiap individu disarankan agar menyediakan wang sara hidup sekurang-kurangnya dua per tiga (67%) daripada pendapatan terakhir mereka. Ini membolehkan mereka mengekalkan gaya hidup yang ada sekarang pada waktu bersara kelak. Dengan menggunakan kalkulator persaraan Private Pension Administrator Malaysia (PPA) sebagai panduan, anda boleh mengira berapa jumlah yang anda perlu simpan sebagai persediaan persaraan.

Lakukan semuanya melalui PPA dengan PRS Online

Mudah, selesa dan selamat. Anda boleh mendaftar untuk akaun PRS atau tambah nilai akaun PRS anda secara dalam talian melalui aplikasi PRS Online, pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Bagi pemohon berumur 30 tahun dan ke bawah, anda boleh nikmati caj jualan 0% apabila anda mendaftar melalui PPA dengan PRS Online.



PRS direka untuk memenuhi keperluan anda

PRS mempunyai 8 Penyedia PRS yang menawarkan pelbagai dana (Konvensional atau Patuh Syariah) yang ditubuhkan dengan tahap risiko yang berbeza.

Sekiranya anda tidak pasti dana jenis mana yang hendak dipilih, anda boleh membuat pilihan yang ditetapkan untuk dana teras. Ia secara automatik akan memperuntukkan anda kepada dana PRS berdasarkan kumpulan umur anda. Selain daripada itu, anda juga boleh memilih dana PRS berdasarkan kemampuan dan risiko anda.

Sekarang adalah masa yang terbaik untuk mulakan simpanan persaraan anda

Semakin awal anda mula menyimpan, semakin lama wang anda mempunyai masa untuk bertambah. Mulakan simpanan wang anda dan biarkan pertumbuhan kompaun bertambah bagaikan *Magic*.



Pertumbuhan kompaun 101

Walaupun dalam jumlah yang kecil, ianya tetap bertambah
Dengan pengkompaunan, jumlah yang kecil boleh bertambah dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, jika anda menabung RM25 seminggu selama 30 tahun, anda akan mendapat RM39,000. Namun, jika anda membuat pelaburan, berikut ialah potensi jumlah yang boleh berkembang.



Bagaimanakah pertumbuhan kompaun berfungsi?

Tahun Pertama	Tahun Kedua	Tahun Ketiga dan seterusnya
Pelaburan awal berpotensi untuk memperoleh pulangan	Pulangan yang diperoleh ditambah kepada pelaburan asal	Pulangan yang lebih besar dijana daripada pelaburan asal dan pulangan terkumpul





Contoh situasi: Mari kita lihat situasi dua rakan sekerja, Maria dan Jeff. Pada usia 60 tahun, Maria mempunyai simpanan yang lebih besar kerana dia mula menyimpan sejak awal, walaupun caruman bulanannya lebih rendah.

	Maria	Jeff
Umur	25	35
Pendapatan Terkini	2,500	3,400
Baki Skim Persaraan Wajib	0	100,000
Baki PRS	0	0
Baki Tahunan Persaraan	35	25
PRS Simpanan Gaji Bulanan (%)	4%	7%
PRS Simpanan Gaji Bulanan (RM)	100	210
Simpanan PRS pada Umur 60 Tahun (RM)	**207,711**	**194,429**
Jumlah Caruman PRS (RM)	**73,000**	**92,000**
Pulangan Tahunan* (%) – 6%		

Justeru itu, lakukan keputusan yang bijak untuk menikmati lebih banyak manfaat bagi kehidupan anda selepas bersara. Jangan biarkan apa-apa menghalang anda!

Untuk maklumat lanjut mengenai PRS untuk belia, layari laman sesawang www.ppa.my atau boleh berhubung di talian 1300-131-772.

Sumber: www.ppa.my

Keselamatan Internet Dan Scam



Pengguna di Malaysia kini selesa melakukan pelbagai aktiviti secara dalam talian seperti membeli-belah, bersosial dan juga perbankan. Perkembangan ini memberi peluang kepada golongan "Hantu Scammer" (orang yang melakukan penipuan) untuk memperdaya orang ramai dengan modus operandi baru penipuan secara dalam talian. Tidak kira peringkat umur, tahap pendidikan mahupun pengalaman hidup, ramai yang telah menjadi mangsa kepada "Hantu Scammer."

Pihak Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) sering mengadakan program kesedaran awam kepada orang ramai mengenai kepentingan kawalan kendiri dan keselamatan Internet dalam mengakses kandungan dalam talian.

Terdapat pelbagai jenis penipuan (scam) dalam talian yang berleluasa. "Hantu Scammer" ini sangat licik dalam memperdayakan mangsa sehingga mengakibatkan kerugian ribuan ringgit. Memetik laporan Sinar Harian melalui artikel yang bertarikh 14 Mac 2022 yang bertajuk **"Kes penipuan dalam talian catat kerugian melebihi RM1.6 bilion"**, terdapat 51,631 laporan polis dibuat oleh mangsa-mangsa scam dari tahun 2019 hingga 2022.

Antara scam yang sering dilaporkan adalah 'Love Scam', 'Parcel Scam' dan 'Service Scam'.

1. 'Love Scam'

'Love Scam' sering menyasarkan golongan lelaki yang mencari cinta di alam maya. Pesara juga menjadi sasaran. Walau bagaimanapun, golongan wanita juga tidak terkecuali daripada menjadi mangsa 'Hantu Scammer' yang mahir menggunakan daya tarikan mereka untuk menjerat mangsa.

Modus operandi 'Love Scam' ini akan menggunakan platform media sosial sebagai tempat mereka mencari atau memancing mangsa. *Scammer* membuat akaun palsu dengan menggunakan gambar profil individu yang menarik untuk berkenalan dengan mangsa di media sosial. Mereka akan menggunakan alasan

hanya ingin mencari teman berborak, atau mengakui diri sebagai pelajar dari luar negara yang baru pertama kali datang ke Malaysia dan ingin mencari kenalan di negara ini.

Mangsa diajak untuk berbual melalui aplikasi *WhatsApp* dan bertukar nombor dengan mangsa. Selepas itu, *scammer* akan mula menjalankan aktiviti licik dengan mengajak mangsa untuk melakukan panggilan video *(video call)*. Dalam panggilan video tersebut, *scammer* ini akan mula menanggalkan pakaian mereka dan mengajak mangsa untuk turut serta melakukan pelbagai aksi bersama atas alasan sebagai 'bukti cinta' mereka. Tanpa disedari mangsa, panggilan video tersebut telah direkod dan rakamannya digunakan untuk mengugut mangsa bagi mendapatkan wang. Sekiranya mangsa tidak memberi wang seperti dipinta, mereka akan menularkan video tersebut kepada kenalan mangsa yang butirannya telah diambil daripada laman media sosial mangsa.

2. 'Parcel Scam'

Scammer membuat panggilan telefon dengan menyatakan bahawa mangsa telah menerima bungkusan yang sedang ditahan oleh pihak kastam. Mangsa diminta untuk memindahkan sejumlah bayaran bagi melepaskan bungkusan tersebut.

Yang terkini, terdapat juga *scammer* yang menyamar sebagai agen penjualan bagi syarikat perdagangan atas talian (e-dagang). *Scammer* menghantar pesanan secara rawak kepada mangsa melalui aplikasi *WhatsApp* dengan menawarkan pekerjaan secara atas talian sebagai agen penjual platform e-dagang. Mangsa cuma perlu membeli barangan yang akan ditentukan oleh *scammer* dan memindahkan wang kepada akaun yang telah ditetapkan. Kemudiannya, pihak *scammer* akan memulangkan duit tersebut berserta dengan insentif di antara 10-20 peratus sebagai upah kepada mangsa.

Bagi meyakinkan mangsa, pihak *scammer* akan mula dengan memberi tugasan kecil, iaitu membeli barangan yang murah supaya dapat terus melakukan "kerja" mereka. Kemudian, pihak *scammer* akan mula meminta mangsa untuk melakukan transaksi yang lebih besar (membeli barang yang lebih mahal). Selepas itu, *scammer* tersebut akan menyatakan bahawa mangsa telah terlambat untuk menghantar maklum balas mengenai pembelian mereka dan mengenakan 'penalti' penahanan komisen dan modal.



Mangsa akan diarahkan sekali lagi untuk melakukan transaksi dengan membeli barangan lain yang bernilai lebih besar untuk mendapat semula komisen mereka yang sebelum ini. Perkara ini akan berulangan sehingga mangsa sendiri sedar bahawa mereka telah ditipu dan telah rugi ribuan ringgit.

3. 'Service Scam'

Scammer menyamar sebagai agen yang menyediakan suatu perkhidmatan, contohnya perkhidmatan pembantu rumah. Mereka akan memberi pautan *URL* kepada mangsa dan meminta mangsa untuk menekan pautan tersebut dan memuat turun aplikasi ke dalam telefon pintar mangsa bagi membuat pembayaran. Tanpa disedari mangsa, aplikasi tersebut merupakan satu aplikasi yang berunsur "phishing" bagi mendapatkan maklumat perbankan/ peribadi mangsa dan mampu untuk melakukan transaksi perbankan tanpa disedari oleh mangsa.

Berhati-hati sebelum membuat bayaran melalui Internet

Matlamat utama "Hantu Scammer" adalah untuk mendapatkan wang daripada mangsa. Oleh itu, sekiranya anda menerima sebarang tawaran yang memerlukan pemindahan wang kepada pihak ketiga atas apa alasan sekalipun, anda hendaklah berwaspada dan menyemak sama ada akaun bank tersebut adalah hak milik syarikat atau individu. Syarikat yang berdaftar tidak akan meminta anda memindahkan wang kepada akaun individu.

Untuk makluman pembaca, sekiranya berhadapan dengan sebarang penipuan di atas, mangsa boleh melaporkan perkara ini kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Selain itu, orang awam juga dinasihati untuk menggunakan laman https://semakmule.rmp.gov.my/ yang dikelolakan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, PDRM. Orang awam boleh menyemak sekiranya nombor telefon atau akaun bank yang diberikan oleh *scammer* pernah dilaporkan kepada pihak polis.

Orang ramai juga boleh menghubungi pihak Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) di https://contentforum.my/make-a-complaint/ untuk mendapatkan nasihat dan panduan sekiranya mereka menjadi mangsa kepada *scammer*.



Sumber: www.contentforum.my

Aduan Pengguna: Kontraktor Pengubahsuaian Rumah



Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) telah menerima banyak aduan mengenai perkhidmatan daripada kontraktor pengubahsuaian rumah. Antara isu aduan yang sering diterima oleh NCCC adalah kontraktor pengubahsuaian rumah yang tidak berdaftar dan bekerja sebagai kontraktor bebas atau lebih dikenali sebagai *'freelance'.*

Para pengguna kebiasaannya akan mencari kontraktor yang diperkenalkan oleh rakan atau kenalan keluarga. Namun, terdapat dalam kalangan kontraktor tersebut yang tidak berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan juga Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Antara faktor yang membuatkan pengguna bersetuju untuk mengupah kontraktor tersebut adalah cara rundingan mereka yang begitu meyakinkan dan juga sebut harga yang ditawarkan adalah jauh lebih murah daripada biasa.

Selain daripada itu, terdapat juga kontraktor yang mengambil kesempatan dengan memberi sebut harga yang begitu tinggi kepada para pengguna yang naif dan kurang arif tentang kos barang pembinaan di pasaran. Kebanyakan mereka tidak membuat perbandingan sebut harga dengan kontraktor lain atau bertanya pada orang yang lebih arif mengenai isu kontraktor perumahan.

Pengguna mengadu segala janji manis yang dijanjikan oleh kontraktor perumahan tidak dikotakan. Hasil kerja mereka tidak seberapa, sedangkan bayaran yang dikenakan adalah tinggi.

Ada juga yang mengadu kualiti bahan yang digunakan adalah tidak mengikut apa yang tertera di dalam perjanjian yang telah dipersetujui. Alasan mereka kebiasaannya adalah kerana ketiadaan stok atau bahan tersebut sudah naik harga.

Pihak pengguna sebenarnya berhak mendapatkan pampasan daripada kontraktor sekiranya mereka melanggar perjanjian yang dipersetujui bersama.

Selain itu, kualiti kerja dan bahan yang digunakan juga merupakan antara aduan kerap pengguna. Ramai yang tidak memahami jenis bahan yang digunakan untuk sesuatu pengubahsuaian.

Pengguna hanya mahukan hasil kerja yang baik tanpa sebarang kecacatan. Mereka hanya mengadu selepas kerja sudah siap. Sesudah tamat tempoh pengubahsuaian, mereka dapati hasil kerja tidak kemas dan menggunakan bahan yang berkualiti rendah.

Contohnya, kualiti simen untuk batu jubin di dapur yang tidak tahan lama dan mudah tertanggal. Lebih menyedihkan, pengguna menghadapi masalah untuk menghubungi kontraktor tersebut untuk membaiki semula hasil kerja mereka.

ANTARA LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL OLEH PENGGUNA SEBELUM MEMBUAT SEBARANG PENGUBAHSUAIAN ATAU MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KONTRAKTOR:

01 Mendapatkan sebut harga kos pembinaan dengan beberapa kontraktor yang lain.

02 Pastikan kontraktor tersebut telah berdaftar dengan pihak SSM dan CIDB.

03 Setelah membuat perbandingan harga antara kontraktor, pilih mana yang kita rasa selesa dan yakin dengan servis perkhidmatan yang ditawarkan.

04 Pengguna perlu membuat perjanjian dengan kontraktor yang dipilih mengenai segala terma dan syarat yang perlu diikuti seperti cita rasa pengguna, bahan yang bakal digunakan, kos perbelanjaan, tempoh masa pengubahsuaian, cara pembayaran yang mengikut perkembangan hasil kerja dan sebagainya.

Cara pembayaran secara berperingkat yang mengikut hasil kerja kontraktor adalah sangat penting bagi melindungi pengguna daripada ditipu oleh kontraktor.



Terdapat kes aduan di mana seorang pengguna telah membuat pembayaran penuh kepada pihak kontraktor sebanyak RM68,000. Namun begitu, kontraktor tersebut hanya siap membuat tembok rumah sahaja dan terus menghilangkan diri tanpa khabar berita. Perkara ini menyebabkan projek pengubahsuaian rumah pengadu terbengkalai. Pengadu terpaksa mengupah kontraktor yang lain untuk menyiapkan kerja-kerja terbengkalai tersebut.

Di samping itu, para pengguna perlu menyemak latar belakang kontraktor yang pernah membuat kerja-kerja pengubahsuaian rumah. Jika pengguna mencari kontraktor di media sosial, pengguna perlu baca semua pendapat atau ulasan daripada pelanggan yang pernah menggunakan perkhidmatan kontraktor tersebut. Pastikan juga yang kontraktor terbabit berdaftar dengan pihak berwajib. Kalau boleh, dapatkan perkhidmatan kontraktor di kawasan berdekatan supaya mudah berurusan sekiranya timbul sebarang masalah pada hasil kerja mereka.

Sekiranya para pengguna berdepan dengan isu kontraktor seperti ini, pengguna perlu membuat laporan polis dan laporkan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang terdapat di setiap negeri. Walau bagaimanapun, pengguna perlu ada perjanjian atau sekurang-kurangnya dokumen yang berkaitan dengan pengubahsuaian seperti perbincangan melalui e-mel atau mesej ringkas seperti di dalam *WhatsApp* sebagai bahan bukti untuk membuat tuntutan daripada pihak kontraktor.

Salinan aduan juga perlu dihantar kepada pihak CIDB untuk makluman mereka kerana semua kontraktor pengubahsuaian rumah perlu didaftarkan dengan pihak CIDB. Sekiranya kontraktor tidak mendaftarkan projek pembinaan atau pengubahsuaian dengan CIDB, maka pihak CIDB boleh mengambil tindakan terhadap kontraktor tersebut di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Pihak CIDB mempunyai bidang kuasa untuk menyenaraihitamkan syarikat yang terbabit dan mendenda kontraktor tersebut.

Secara kesimpulan, FOMCA dan NCCC menasihatkan para pengguna untuk membuat perjanjian dan menyenaraikan semua jenis pengubahsuaian secara terperinci dengan kontraktor yang berdaftar dengan SSM dan CIDB. Jadilah pengguna yang bijak dalam memilih kontraktor pengubahsuaian rumah yang bertauliah.



Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

WASPADA

BERURUSAN MELALUI TELEFON

atau

DALAM TALIAN



jangan jadi mangsa

MACAU SCAM

" TIDAK KENAL, JANGAN LAYAN "

JENAYAH TIPU

Individu yang terlibat dalam jenayah penipuan boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

HUKUMAN :

Penjara tidak kurang 1 tahun dan tidak lebih 10 tahun dengan sebatan dan boleh juga dikenakan denda.

be SMART stay ALERT

JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL,
POLIS DIRAJA MALAYSIA

SEMAKMULE
get it on Google Play Store
CHECK SCAMMERS CCID
https://semakmule.rmp.gov.my

CCID SCAM RESPONSE CENTER
Waktu operasi: 0800 - 2000 hrs (Setiap hari)
03 - 2610 1559
03 - 2610 1599

CCID INFOLINE
Waktu operasi: 0800 - 2400 hrs (Setiap hari)
013 - 211 1222
(whatsapp sahaja)

FACEBOOK
@CyberCrimeAlertRMP
@JSJKPDRM
FOLLOW